

27 Julai 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa

Ketua Pegawai Eksekutif,

PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PENARIKAN BALIK CADANGAN SEMAKAN TARIF AIR BUKAN SUATU ISU. PBAPP MEMOHON SEMAKAN WCS DI PULAU PINANG.

- **PBAPP memohon kelulusan untuk semakan WCS, dan BUKANNYA semakan tarif.**
- **Kajian WCS yang dicadangkan adalah inisiatif pengurusan permintaan air yang konsisten dengan arahan dari Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bagi Pulau Pinang mengurangkan penggunaan domestik.**

PULAU PINANG, Khamis (27/7/2017): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) memohon Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk meluluskan semakan Surcaj Penjimatan Air (WCS) di Pulau Pinang. PBAPP tidak memohon kelulusan untuk semakan tarif air.

PBAPP biasanya mengelak untuk mengulas perkara "bukan suatu isu", seperti penarikan balik semakan tarif. Sebagai anak syarikat sebuah syarikat senaraian awam, kami menjalankan perniagaan kami secara profesional bagi mengelak nama baik dan status penyenaian awam PBA Holdings Bhd (PBAHB), serta harga sahamnya daripada terjejas.

Walau bagaimanapun, berikutan kenyataan umum oleh Pengerusi SPAN, YB Liang Teck Meng, PBAPP terpanggil untuk ke hadapan untuk membuat penjelasan berikut:

PBAPP tidak bersetuju dengan cadangan kajian tarif air. Pada bulan Jun 2016, PBAPP mengemukakan pelan perniagaan untuk 3 tahun kepada SPAN sebagai sebahagian daripada prosedur untuk memperbaharui lesen sebagai pengendali bekalan air Pulau Pinang.

Selepas SPAN meluluskan rancangan perniagaan pada bulan Disember

2016, PBAPP mengemukakan cadangan untuk semakan tarif air bagi meningkatkan dana yang mencukupi bagi projek perbelanjaan modal (CAPEX) bekalan air yang dicadangkan di Pulau Pinang bagi tempoh 2017-2019.

Walaupun PBAPP mengunjurkan keuntungan operasi bagi tempoh 2017 - 2019, jumlah keuntungan operasi tidak mencukupi untuk menampung CAPEX yang diunjurkan itu.

3 sebab utama PBAPP perlu terus membuat pelaburan dalam projek CAPEX:

- a. Penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang iaitu 286 liter/kapita/hari (l/k/h) adalah tertinggi di Malaysia bagi tahun 2016 berbanding purata negara 210 l/k/h. Perlu diingatkan, penggunaan domestik menyumbang 59.4% daripada jumlah keseluruhan penggunaan air di Pulau Pinang pada tahun 2016. Dengan kata lain, pengguna domestik menggunakan lebih banyak air daripada gabungan semua kilang, hotel dan perniagaan di Pulau Pinang pada 2016.
- b. PBAPP telah diarahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengelakkan catuan air dalam apa cara sekalipun.
- c. PBAPP perlu melaksanakan projek bekalan air untuk terus mendahului jangkaan permintaan air disebabkan pertumbuhan sosioekonomi pada masa hadapan di Pulau Pinang.

Bagaimanapun, pada Februari 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminta PBAPP menarik balik permohonan untuk semakan tarif selepas memutuskan untuk tidak melaksanakan kenaikan tarif air. Sebaliknya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sanggup mempertimbangkan untuk memberi "pinjaman mudah" kepada PBAPP untuk membiayai CAPEX.

Dalam surat bertarikh 21/2/2017, PBAPP mematuhi arahan kerajaan negeri dan bersetuju untuk menarik balik permohonan itu dan memaklumkan kepada SPAN. Dalam surat bertarikh 25/4/2017, SPAN menyatakan rasa tidak puas hati dengan penarikan semakan tarif air PBAPP dan menyoal PBAPP bagaimana PBAPP membiayai projek CAPEXnya. SPAN meminta agar semakan tarif air dipertimbangkan. PBAPP memaklumkan dalam surat bertarikh 11/5/2017 bahawa ia akan melaksanakan CAPEX yang diunjurkan dengan mendapatkan pinjaman dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Permohonan Semakan WCS PBAPP

Sementara itu, pada 28/4/2017, PBAPP mengemukakan permohonan untuk menyemak Surcaj Penjimatan Air Pulau Pinang (WCS) bagi pengguna domestik daripada RM0.48 hingga RM1.00 bagi setiap 1,000 liter, untuk penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan. WCS dikenakan dan digandakan bayaran untuk menghukum mereka yang membazir air untuk membantu mengurangkan penggunaan air dan bukannya menaikkan tarif air kepada semua pengguna.

Harus diingat bahawa semakan WCS tidak akan memberi kesan kepada 77% pengguna domestik di Pulau Pinang kerana mereka menggunakan kurang daripada 35,000 liter air sebulan. Dalam erti kata lain, semakan WCS tidak akan menjejaskan 3 dari setiap 4 pengguna domestik di negeri ini.

Oleh itu, semakan WCS bukan semakan tarif air. Selain itu, pengguna domestik mempunyai pilihan untuk mengelakkan membayar WCS dengan mengurangkan penggunaan air tidak melebihi 35,000 liter air sebulan.

SPAN telah menyatakan keraguan tentang keberkesanan WCS dalam mengurangkan penggunaan air, dan dalam suratnya bertarikh 23 Jun 2017 ia mengulangi cadangan agar menaikkan tarif air.

Rumusan dan Kesimpulan

Perkara paling penting adalah tiada semakan tarif air di Pulau Pinang pada tahun 2017, dan PBAPP tidak lagi memohon kajian semula tarif pada tahun 2017.

Walaupun pelbagai komen, kenyataan dan tuduhan, hakikatnya PBAPP masih mengenakan tarif air terendah untuk penggunaan domestik sehingga 35,000 liter sebulan, seperti yang ditunjukkan dalam "Lampiran A". Negeri-negeri lain mengenakan caj yang lebih tinggi.

PBAPP amat mengambil berat mengenai kemungkinan apa-apa pelanggaran kehendak perundangan mengenai kerahsiaan oleh Pengerusi SPAN.

PBAPP telah bersetuju untuk menerima rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberikan pengguna domestik di Pulau Pinang "satu

peluang terakhir" untuk mengurangkan penggunaan air domestik pada tahun 2017, bertujuan untuk menjimat air dan mengelakkan catuan air. Kami berharap dapat mengurangkan subsidi air domestik sebanyak RM91 juta yang boleh diperuntukkan semula bagi projek CAPEX yang penting untuk masa depan dengan dibiayai oleh PBAPP untuk membolehkan pengguna domestik Pulau Pinang menikmati tarif air terendah di Malaysia.

Oleh itu, kami hanya ingin memperolehi kelulusan SPAN untuk mengkaji semula WCS. PBAPP ingin menegaskan cadangan semakan WCS 2017 adalah inisiatif pengurusan permintaan air yang konsisten dengan arahan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan domestik.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

APPENDIX A: COMPARISON OF DOMESTIC WATER TARIFFS IN MALAYSIA (first 35,000 litres per month).

(Source: Malaysia Water Industry Guide 2016)

